



PERKARA/PERKHIDMATAN YANG TIDAK TERMASUK DALAM PROGRAM ETIQA AUTO ASSIST CARE

Pusat Panggilan Kami tidak akan menyediakan perkhidmatan untuk keadaan-keadaan berikut:

1. Perkhidmatan yang tidak dikendalikan atau diluluskan secara langsung oleh Pusat Panggilan Kami;
2. Kos perkhidmatan yang boleh dituntut di bawah Polisi Insurans Motor (sebagai contoh, kos penundaan selepas kemalangan);
3. Apa-apa kos peralatan dan kos pembaikan di mana-mana bengkel atau pusat servis;
4. Syarat-syarat perkhidmatan di luar had wilayah yang ditetapkan;
5. Mana-mana kenderaan perdagangan;
6. Apabila kunci kereta tidak dapat dijumpai atau terkunci di dalam Kenderaan Yang Dinamakan;
7. Menunda Kenderaan Yang Dinamakan dengan tujuan melupuskan Kenderaan Yang Dinamakan;
8. Menunda Kenderaan Yang Dinamakan dengan tujuan memindahkan Kenderaan Yang Dinamakan dari satu bengkel ke satu bengkel yang lain;
9. Apabila tiada pelekat cukai jalan ditunjukkan pada Kenderaan Yang Dinamakan;
10. Kenderaan Yang Dinamakan yang telah dileraikan sepenuhnya atau secara separa di bengkel;
11. Menunda Kenderaan Yang Dinamakan yang mempunyai nombor pendaftaran yang berbeza dengan nombor yang didaftarkan dengan penyedia perkhidmatan Kami;
12. Jika Kenderaan Yang Dinamakan mengalami kerosakan mekanikal dan tersadai di permukaan jalan yang tidak berturap atau mana-mana jalan raya selain daripada jalan raya yang termasuk dalam Sistem Jalan raya Malaysia, Singapura, Thailand atau Brunei; dan
13. Jika Kenderaan Yang Dinamakan memerlukan penggunaan peralatan khas dalam proses pembaikan.